



14 FEB, 2025

Dua bekas PM tolak penjelasan Anwar

Sinar Harian, Malaysia



Dua bekas PM tolak penjelasan Anwar

Ismail Sabri, Muhyiddin senada 85 peratus isi rumah akan terkesan kenaikan tarif elektrik

Oleh **NURHIDAYAH HAIROM**
KUALA LUMPUR



ISMAIL SABRI



MUHYIDDIN

bagi tahun 2024 hingga 2027 mengalami lonjakan 14.18 peratus, meningkat daripada 39.95 sen per kilowatt kepada 45.62 sen per kilowatt.

Justeru, beliau membangkitkan persoalan tentang perancangan kerajaan untuk mendepani kos sara hidup yang akan terus meningkat.

Sementara itu, **Tan Sri Muhyiddin Yassin (PN-Pagoh)** turut menolak penjelasan Anwar

DE
RAI

dan senada bahawa kenaikan tarif elektrik akan memberi kesan kepada rakyat secara keseluruhan.

"Meskipun Tambun (Anwar) memberi jaminan kenaikan tarif elektrik hanya dikenakan kepada pengguna industri dan golongan maha kaya, realitinya kenaikan tarif asas elektrik sebanyak 14.2 peratus bagi tempoh kawal selia 4 (RP4) di bawah kerajaan sekarang jauh lebih tinggi berbanding kerajaan terdahulu.

"Apakah jaminan kerajaan bahawa 85 peratus pengguna domestik tidak akan terjejas," soalnya.

Jelasnya, kos operasi syarikat yang meningkat akibat kenaikan tarif elektrik akan menyebabkan syarikat-syarikat memindahkan beban kos kepada pengguna akhir.

Sebanyak 85 peratus isi rumah dijangka turut terkesan dengan kenaikan tarif elektrik pada pertengahan tahun ini.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-Bera) berkata, ini kerana lazimnya, tarif baharu akan menyebabkan kos pengeluaran meningkat dan seterusnya dipindahkan kepada pengguna.

Katanya, kerajaan telah menyatakan bahawa 85 peratus isi rumah tidak akan terjejas dengan kenaikan tarif elektrik pada pertengahan tahun ini.

"Kerajaan juga menyatakan bahawa kenaikan ini hanya melibatkan kira-kira 15 peratus golongan maha kaya dan industri.

"Namun saya ingin tegaskan lumrahnya, kenaikan tarif elektrik ini akan menyebabkan kos pengeluaran

meningkat dan seterusnya dipindahkan kepada pengguna yang juga terdiri daripada 85 peratus isi rumah tersebut," katanya ketika Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat pada Khamis.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan kenaikan tarif elektrik hanya akan melibatkan pengguna industri dan golongan berpendapatan serta menegaskan majoriti rakyat tidak akan terkesan oleh kenaikan tersebut.

Ismail Sabri turut membandingkan kadar kenaikan tarif elektrik sejak 2015 hingga 2022, dengan peningkatan yang berlaku hanya sekitar 3.7 peratus, daripada 38.53 sen per kilowatt kepada 39.95 sen per kilowatt.

Bagaimanapun, katanya tarif asas